



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

PASUKAN ROBOTIK POLYCC PUNGUT ENAM PINGAT DI JERMAN, LEPASI SASARAN YANG DITETAPKAN

WOLFENBUETTEL, 23 JULAI 2023 - Pasukan Robotik POLYCC pamer aksi cemerlang apabila mengutip sebanyak enam (6) pingat pada Kejohanan RoboWorld FIRA 2023 di Jerman sekaligus menjangkau sasaran awal iaitu hanya lima (5) pingat berjaya dikutip.

Dua emas, dua perak dan dua gangsa dipungut oleh Muhammad Zikry Iman Mohd Sohaimi dan Anwar Syahiddin Shamsul Anuar, pelajar daripada jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) dan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) serta Muhammad Farhan bin Misron@Misni, pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dari Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) yang mewakili Pasukan Robotik POLYCC.

Pingat emas melalui acara 'Tripple Jump', pingat perak bagi acara 'Archery' dan pingat gangsa bagi acara 'Lift & Carry' telah disumbangkan oleh Pasukan PSIS.

Pasukan PSAS pula berjaya meraih pingat emas melalui 'Lift and Carry', 'Basketball' untuk pingat perak dan pingat gangsa menerusi acara 'Archery'.

Sementara itu, Pengarah Kanan (Akademik), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Encik Md Noor Shahudin memberitahu penyertaan kali ini hanya melibatkan bilangan pelajar terkecil iaitu hanya enam (6) peserta (tiga orang berada di Jerman, manakala tiga orang lagi berada di Malaysia dengan membantu secara dalam talian) berbanding penyertaan sebelum ini yang melibatkan 30 sehingga 40 orang pelajar.

“Penyertaan pelajar yang amat sedikit pada kali ini berbanding dengan enam (6) pingat yang dicapai adalah merupakan sesuatu yang luar biasa”, katanya lagi.

Beliau turut berkongsi cabaran yang terpaksa dilalui sebelum mereka menyertai kejohanan pada kali ini antaranya ialah lokasi kejohanan yang agak jauh yang memerlukan peruntukan yang tinggi dan menjadi faktor utama yang menghadkan bilangan penyertaan POLYCC.

“Antara cabaran lain ialah terdapat beberapa perubahan dalam peraturan pertandingan bagi kategori Androsot. Pasukan POLYCC bagi kategori ini perlu membuat penyesuaian sebelum menghantar pasukan bagi kejohanan akan datang dan tidak terlibat dengan kejohanan kali ini”.

“Pasukan POLYCC masih memerlukan kelengkapan teknologi terkini untuk mampu bersaing dengan lebih baik”, ujarnya lagi.

Pasukan Robotik POLYCC telah berada di Jerman sejak 17 Julai yang lalu dan dijadual berangkat pulang ke tanahair pada 24 Julai ini.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
24 JULAI 2023**

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Telefon : 03- 8888 2515 / E-mel : ukk.jppkk@mohe.gov.my*